

MASYARAKAT ISLAM GEMILANG PEMBAWA RAHMAT: PENGALAMAN SINGAPURA

MAJLIS UGAMA ISLAM SINGAPURA

Pendahuluan

1. Dunia hari ini menyaksikan pelbagai cabaran, daripada aspek ekonomi, isu-isu sosial, isu pemeliharaan alam yang semakin meruncing yang bakal meninggalkan kesan pada iklim global dan sebagainya.¹ Tambahan dari ini, dengan globalisasi yang disaksikan dunia sekarang ini, kehidupan sebuah masyarakat tidak lagi terpisah atau terkurung di rantau dan lokasi masing-masing. Malahan seluruh dunia sekarang berfungsi sebagai satu kampung yang luas, saling berhubungkait serta berinteraksi antara satu sama yang lain. Apa yang berlaku di suatu negara -sebagai contoh- akan meninggalkan kesan kepada mereka yang hidup di rantau lain. Ia membuktikan bahawa kestabilan sosial masyarakat antara isu yang merupakan cabaran terkini, yang perlu diberikan perhatian dan penumpuan.

2. Setiap masyarakat dalam membina peradaban pasti perlu menitikberatkan soal keharmonian sosial. Ia adalah teras utama dalam membina sesuatu tamadun tersebut, di dalam konteks kerencaman masyarakat dan kepelbagaian orientasi dan kecenderungan budaya dan keagamaan. Keamanan dan kemakmuran hanya mampu dicapai sekiranya keadaan sosial masyarakat itu terpelihara. Apabila keharmonian sosial itu hilang daripada kamus kehidupan bakal lenyap anasir yang mendorong kepada kemakmuran.

¹ Pada tahun ini sahaja (2019), terdapat banyak rekod suhu baru telah dipecahkan di serata dunia. Sebagai contoh, bulan pada bulan Julai 2019, merupakan bulan yang paling panas di dalam sejarah dunia. Saban hari pula, kita melihat imej demi imej kesan cuaca yang melampau di banyak tempat, yang menjelas kehidupan manusia dan menghancurkan infrastruktur banyak beberapa negara. Sehingga setengah kawasan kini tidak boleh didiami lagi. Tanpa sebarang keraguan, kita dapat katakan iklim global sedang berubah ke arah yang sangat mengkhawatirkan. Pemanasan global adalah di antara cabaran terbesar yang bukan sahaja mengugat umat manusia, bahkan keseluruhan alam ini.

3. Ini ditambah pula dengan penggunaan media sosial serta wadah perkongsian maklumat alam maya. Meskipun ia secara amnya merupakan satu perkembangan yang baik, media sosial serta wadah sepertinya telah memudahkan mesej-mesej kebencian yang menyebabkan ketegangan di antara kaum dan pengikut agama berbeza tersebar dengan cepat dan meluas. Sebagai contoh, teks-teks agama yang suci telah disalaherti untuk menyokong pandangan agar merendahkan masyarakat lain agama dan bangsa. Begitu juga berita-berita palsu (*fake news*) mudah disebarluaskan untuk menanam bibit-bibit kebencian antara kaum.
4. Perkembangan ini membuktikan bahawa keharmonian dan kestabilan sosial itu merupakan satu perkara yang perlu diberi perhatian di zaman ini. Ia perlu diusahakan dengan secara berterusan, langkah-langkah strategik perlu dilakarkan dengan mengambil kira kontek, situasi, peredaran zaman, perubahan tren dan kebiasaan.
5. Sekiranya pihak berkuasa akan memainkan peranannya untuk membendung sebahagian daripada kesan buruk yang boleh mengugat kestabilan sosial, sama ada melalui perundungan dan penguatkuasaan; dengan kesedaran agama yang semakin meningkat yang disaksikan zaman ini,² terdapat peranan baru dan lebih kritikal yang perlu dimainkan agama serta institusi-institusinya untuk berhadapan dengan cabaran tersebut. Terutama di dalam memberi panduan yang dapat membina serta mengukuhkan lagi persefahaman dan hubungan baik di dalam konteks masyarakat majmuk. Pada waktu yang sama, menghebahkan ciri-ciri yang perlu ada pada masyarakat Islam untuk memastikan mereka dapat terus mengekalkan kesepadan sosial, mencapai kecemerlangan hidup daripada perbezaan yang wujud.

² *On Being Religious: Patterns of Religious Commitment in Muslim Societies*, Riaz Hassan, The Muslim World, Vol. 97, No. 3, July 2007, pg 468. *Analysing Secularization and Religiosity in Asia*, Steven R. Reed, Faculty of Policy Studies, Chuo University, Japan Tokyo, pg. 4. Sila lihat: *A survey on the Religious Outlook of the Singapore Muslim Community*, Muis Academy, 2010.

Memahami prinsip agama berkaitan pemeliharaan kestabilan sosial.

6. Islam merupakan agama yang menganjurkan pengikutnya agar meraikan kepelbagaian serta mencari kekuatan dan manfaat daripada kerencaman. Ia mengajak manusia agar membina masyarakat yang bersepada dan harmoni. Teks-teks agama serta contoh kehidupan Nabi s.a.w. serta masyarakat Islam setelahnya penuh dengan contoh model kehidupan sosial yang harmoni antara kaum dan pengikut agama berbeza. Bahkan sepetimana yang dinyatakan ulama, pada sirah Nabi s.a.w. mengandungi contoh teladan serta prinsip yang mampu dijadikan masyarakat Islam, sebagai panduan buat dirinya berhadapan dengan cabaran kehidupan serta konteks dan keadaan yang berbeza.³ Padanya terdapat contoh buat kaum Muslimin yang hidup dalam suasana yang mana masyarakat Islam merupakan yang masyarakat yang majoriti. Begitu juga terdapat padanya contoh kehidupan masyarakat yang majmuk, serta berlainan agama dan kepercayaan.

7. Kerana pentingnya kesejahteraan kehidupan dunia, sebahagian ulama menetapkan bahawa menjaga keamanan kehidupan itu merupakan antara *maqāṣid* umum yang dipelihara *shara'*. Sheikh Wahbah Al-Zuhaylī ketika mengamati keseluruhan pensyariatan Tuhan, berkesimpulan bahawa *maqāṣid* umum bagi *shari'ah* di sebalik keseluruhan pensyariatan adalah untuk menjaga peraturan alam, serta mengawal tingkah laku manusia dan mencegah daripada keburukan.⁴ Pada penulisan lain, beliau menyatakan bahawa tujuan umum *shari'ah* adalah untuk mengembirakan individu serta keseluruhan manusia (*jamā'ah*), dan untuk menjaga peraturan (*hifz al-nizām*), memakmurkan kehidupan dunia, dan agar alam ini terus berkekalan.⁵

³ Ali Juma'ah, *al-Namazij al-Arba'ah min Hadiy al-Nabiy*, hlmn 5.

⁴ Teks asal dalam bahasa arab:

...أَنْ مَقْدِسُ الشَّرِيعَةِ مِنَ التَّشْرِيعِ هُوَ حَفْظُ نَظَامِ الْعَالَمِ، وَضَيْبَطُ تَصْرِيفِ النَّاسِ عَلَىٰ وَجْهٍ يَعْصُمُ مِنَ الْوَقْوعِ فِي الْمَفَاسِدِ..."

Yang bermaksud: "...bahawa tujuan *shari'ah* di sebalik pensyariatan adalah untuk menjaga peraturan alam, dan untuk mengawal tingkah laku manusia, melalui pencegahan daripada terjerumus dalam keburukan. Sila lihat Al-Zuhaylī, *Uṣūl al-Fiqh*.

⁵ Teks asal dalam bahasa arab seperti berikut:

8. Maka dengan ini beliau mengenalpasti bahawa kestabilan sosial serta keamanan pada sesuatu masyarakat itu merupakan salah satu daripada objektif (*maqāṣid*) umum yang dipelihara *shara'*. Ia dapat diamati pada pensyariatan hukum-hakam *shara'*. Kerana melalui kestabilan sosial -yang merupakan kemaslahatan dunia- segala jenis *maqāṣid* yang lain akan terpelihara. Termasuk juga segala jenis kemaslahatan yang bersangkutan dengan akhirat, seperti ibadat.
9. Dari itu, beberapa persoalan yang ingin diketengahkan kertas ini sebagai saranan untuk membina dan memelihara kesejahteraan sosial serta perpaduan masyarakat, seperti berikut: Apakah mungkin ciri-ciri yang perlu ada pada masyarakat Islam untuk memastikan mereka dapat terus mengekalkan kesepaduan sosial, pada masa yang sama dapat mencapai kecemerlangan hidup daripada perbezaan yang wujud?
10. Dengan merujuk kepada teks-teks agama, dapat dikenalpasti beberapa prinsip utama serta garispandu untuk mencapai kesepaduan sosial yang diingini. Saya ringkas kepada tiga prinsip utama:
 - a. **Pertama:** Mengiktiraf perbezaan yang wujud.
 - b. **Kedua:** Memahami prinsip "*Rahmatan Lil Alamin*".
 - c. **Ketiga:** Memerhatikan aspek keinsanan.

"...فَمَا مِنْ حُكْمٍ شَرِيعِيٍّ إِلَّا وَقَدْ شَرَعَ لِرَعْيَةِ مَصْلَحةٍ أَوْ دَرَءِ مَفْسَدَةٍ، مَا يَدْلِيُّ عَلَى أَنَّ الشَّرِيعَةَ تَهْدِي إِلَى تَحْقِيقِ مَقْصِدٍ عَامٍ، وَهُوَ بِإِسْعَادِ الْفَرْدِ وَالْجَمَاعَةِ، وَحِفْظِ النَّظَامِ وَتَعْمِيرِ الدُّنْيَا، وَبِقَاءِ الْعَالَمِ."
 Sila lihat: Wahbah al-Zuhaylī, *Ma 'nā al-Maṣlahah wa al-Maqṣid fī al-Manzūmah al-Fiqhiyyah*, dalam Wahbah al-Zuhaylī, *Qadāyā al-Fiqh wa al-Fikr al-Muāṣir*, 2: 82; Al-Zuhaylī, *Uṣūl al-Fiqh*, 2: 77.

Pertama: Mengiktiraf perbezaan yang wujud sebagai langkah pertama.

11. Ia merupakan satu langkah pendahuluan bagi bagi mewujudkan keharmonian serta kestabilan sosial. Kerana perbezaan itu merupakan *sunnatullah* (lumrah kehidupan). Firman Allah s.w.t. :

وَلَوْ شَاءَ رَبُّكَ لَجَعَلَ النَّاسَ أُمَّةً وَحِدَةً ۚ وَلَا يَزَالُونَ مُخْتَلِفِينَ ۝ إِلَّا
 مَنْ رَحِيمٌ رَبُّكَ ۖ وَلِذِلِيلَةٍ خَلَقَهُمْ

Ertinya: “Jikalau Tuhanmu menghendaki, tentu Dia menjadikan manusia umat yang satu, tetapi mereka masih berselisih pendapat, kecuali orang-orang yang diberi rahmat oleh Tuhan-Mu. Dan untuk itulah Allah menciptakan mereka”. (Surah Hud: 118-119)

12. Oleh itu, bagi mereka yang memahami fakta kehidupan ini, akan melihat perbezaan yang wujud bukan sebagai satu kelemahan, akan tetapi terdapat kekuatan pada kepelbagaian yang wujud. Serta memandang perbezaan yang ada daripada kacamata manfaat, serta mengambil peluang untuk mempertingkatkan situasi dan kedudukan mereka.

Kedua: Prinsip *Rahmatan Lil Alamin*.

13. Konsep *Rahmatan Lil-alamin* (rahmah untuk sekelian alam) merupakan prinsip yang perlu dijadikan panduan kehidupan bagi setiap kaum Muslimin. Oleh itu setiap usaha untuk meningkatkan kesadaran dan kefahaman terhadap Islam, perlu bermula dengan pemahaman bahawa Islam adalah agama rahmah. Rahmahnya adalah untuk kebaikan alam sejagat. FirmanNya pada surah al-Anbiya’, ayat 107,

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

Yang bermaksud: *Dan tidaklah Kami mengutus kamu, melainkan untuk (menjadi) rahmat bagi semesta alam.*

14. Nilai rahmah itu merupakan antara ajaran utama di dalam agama ini. Ia merupakan dasar bagi segala jenis perhubungan, sama ada antara insan dengan insan lain, perhubungan antara individu yang berlainan agama, antara insan dengan alam ini, bahkan dengan keseluruhan ciptaan Tuhan. Daripada itu, beberapa ulama kontemporari telah mengenalpasti asas perhubungan antara mereka yang Muslim dengan yang berlainan agama adalah keamanan (*al-silm*) dan bukannya konflik serta peperangan.⁶ Dan sebahagian daripada punca masalah keganasan yang berlaku sekarang ini adalah disebabkan salah faham terhadap beberapa konsep utama di dalam agama, seperti perlaksanaan syariah (*tatbiq al-shari'ah*), konsep *al-khilafah*, konsep *amr makruf nahi mungkar*, konsep jihad, dan lain-lainnya. Sedangkan konsep-konsep ini, pada asalnya merupakan konsep yang berteraskan keamanan serta merupakan mekanisme untuk memelihara nyawa insan. Dalam erti kata lain, ia merupakan satu bukti nilai rahmat illahi yang terkandung di dalam agama Islam⁷

15. Dengan bertitik tolak dari perasaan rahmah terhadap saudara seinsan, seorang Muslim akan dapat menimbulkan rasa tanggungjawabnya sebenar yang menyeluruh dan membebaskan dirinya dari belenggu prejudis, dendam serta iri. Kebebasan dari prejudis dan sangka buruk inilah kemudiannya akan menimbulkan individu Muslim yang ikhlas dan sanggup memberi sumbangan serta mampu menyampaikan risalah Islam sebenar.

⁶ Abdullah bin Bayyah, *Keganasan Bukanlah Jalan Ke Syurga- Respon Terhadap ISIS*, hlmn 11. Wahbah al-Zuhaylī, *Wasatiyyah al-Islam wa Samahatihi*, dalam Wahbah al-Zuhaylī, *Qaḍāyā al-Fiqh wa al-Fikr al-Muāṣir*, 1: 559.

⁷ Abdullah bin Bayyah, *Keganasan Bukanlah Jalan Ke Syurga- Respon Terhadap ISIS*, hlmn 9.

Ketiga: Memerhatikan aspek keinsanan

16. Budaya, agama dan pemikiran manusia setentunya tidak akan dapat diseragamkan dan ini merupakan *sunnatullah*. Namun, perlu ada nilai dasar yang menjadi panduan, serta penghubung antara manusia yang dapat dikongsi sama. Perlu difahami bahawa layanan seseorang insan terhadap insan yang lain akan ditentukan oleh rangka pandangannya atau sangkaannya. Oleh itu jika seorang Muslim mempunyai orientasi agama yang memusuhi sesiapa sahaja yang bukan dari agamanya atau aliran ikutannya, maka ini akan menjadikan kemampuannya untuk bergaul dengan baik dan lalu berusaha untuk memupuk kesefahaman yang akan menjamin keharmonian antara mereka.

17. Di sinilah mesej kemanusiaan Islam memainkan peranan yang penting di dalam meningkatkan kefahaman Islam sejagat oleh umat Islam sendiri. Antara ciri asas mesej kemanusiaan Islam, sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, adalah dasar hubungan seorang Muslim dengan insan lain adalah rahmah dan kasih sayang tanpa mengira agama, bangsa ataupun aliran pemahaman agama. Sebagaimana yang ditekankan oleh Syeikh Dr. Muhammad Saeed Ramadan Al-Buthi “*Hakikat bahawa kita seorang insan, hamba dan milik Allah s.w.t. adalah cukup untuk mewajibkan perasaan kasih sayang dan cinta terhadap insan yang lain*”.⁸ Ini sesuai dengan konsep kemuliaan Bani Adam yang disebutkan di dalam Al-Quran.

﴿ وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْأَرْضِ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِنْ أَلْطَيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَىٰ كَثِيرٍ مِمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا ﴾

“Dan sesungguhnya telah Kami muliakan anak-anak Adam, Kami angkat mereka di daratan dan di lautan, Kami beri mereka rezeki dari yang baik-baik dan Kami lebihkan

⁸ محمد سعيد رمضان البوطي، الحب في القرآن و دور الحب في حياة الإنسان، (دمشق، دار الفكر:2009)، ص- 79-80

mereka dengan kelebihan yang sempurna atas kebanyakan makhluk yang telah kami ciptakan”⁹

18. Dari itu, al-Habib Ali al-Jufri mendapatkan bahawa firman Tuhan yang memerintahkan individu mukmin untuk berlaku baik, pada surah al-Baqarah ayat 83 (وَقُلُّوا لِلنَّاسِ حَسْنًا) ia tidak terbatas kepada kelakuan baik sesama Muslim. Akan tetapi, sebagai mana yang dinyatakan beberapa ulama tafsir -seperti al-Hafiz al-Suyuthi- perintahNya tersebut merangkumi dua pengajaran. Iaitu untuk merangkumi segala jenis kebaikan, pada waktu yang sama, ia juga mengandungi galakkan untuk melakukan kebaikan kepada keseluruhan insan.¹⁰ Tanpa mengambilkira pelbagai jenis perbezaan, seperti perbezaan agama, kepercayaan dan sebagainya.

19. Tambahan dari ini, apakah yang dimaksudkan di sebalik istilah (حسناً) pada ayat tersebut? Imam al-Shawkani pada tafsirnya berpendapat bahawa kalimat tersebut membawa maksud yang umum. Iaitu kamu perlu berkata/melayani dengan segala yang baik kepada sesama insan.¹¹ Imam Ibn Kathir meriwayatkan bahawa Asad bin Wada'a ketika bertemu dengan mereka yang berlainan agama (kristian ataupun yahudi) beliau akan memberi salam kepadanya. Apabila beliau ditanya mengapa beliau melaksanakan perbuatan tersebut, beliau menjawab: Tuhan berfirman (*Dan hendaklah kamu berbicara dengan manusia perkataan yang baik*), dan termasuk antara perkataan yang baik itu, adalah dengan memberi salam.¹²

Peranan Kepimpinan Agama- Polisi dan Usaha

20. Di dalam rangka meningkatkan kefahaman terhadap Islam, setentunya kepimpinan agama bertanggungjawab untuk membangunkan keyakinan masyarakat Islam untuk bergaul dengan sesiapa sahaja dan memainkan peranannya sebagai duta

⁹ Al-Isra:70

¹⁰ Ali al-Jufti, *Humanity before Religiousity*, 167.

¹¹ Ali al-Jufti, *Humanity before Religiousity*, 168.

¹² Ibn Kathir, *Tafsir Ibn Kathir*, 1/83.

Islam. Kepimpinan agama harus secara aktif dan sedar menerapkan nilai-nilai inklusif dan kemanusiaan Islam ke dalam rangka pendidikan Islam serta wadah-wadah dakwah mereka.

21. Kepimpinan agama memainkan peranan yang penting di dalam mengukuhkan keyakinan dan menghilangkan keraguan atau kebimbangan umat Islam akan larutnya keimanan dan identiti Muslim melalui pergaulan dan interaksi mereka dengan saudara seinsan yang berlainan agama ataupun aliran. Adalah tidak salah untuk menyatakan bahawa tidak ada satu negara di dunia yang boleh mengaku bahawa ia menikmati keseragaman fahaman agama ataupun budaya. Secara lumrahnya umat Islam sama seperti manusia lain, jika tidak dibekalkan kefahaman dan kemahiran untuk berdepan dengan kepelbagaian akan mula membina dinding-dinding yang memisahkan mereka daripada masyarakat lain. Seandainya kepimpinan agama sendiri tidak mempelopori sifat inklusif dan tasawwur kemanusiaan Islami, umat Islam pertama akan gagal memahami intipati dan tujuan risalah Islam yang mereka anuti dan kedua akan terlepas peluang meningkatkan kefahaman dunia terhadap Islam. Bahkan lebih buruk lagi, ia boleh membawa kepada pemahaman negatif terhadap ajaran Islam.

22. Kedua, di dalam meningkatkan kefahaman orang yang bukan Islam terhadap Islam, pendekatan dialog antara agama boleh dijadikan titik permulaan untuk meningkatkan kefahaman orang bukan Islam terhadap Islam. Namun objektif daripada dialog antara agama perlu jelas. Ia bukan bertujuan untuk menyeragamkan agama atau untuk melarutkan keunikan setiap agama. Bahkan ia bertujuan untuk mewujudkan persefahaman melalui pertukaran maklumat secara fizikal dan langsung tentang dasar setiap agama. Ia juga memberi ruang untuk pengikut setiap agama memahami dan menghargai perbezaan di dalam situasi yang tenang, objektif dan rasional. Melaluinya, umat Islam dapat memperbetulkan segala salah tanggap terhadap agama Islam yang telah diwarnai oleh peristiwa-peristiwa keganasan ataupun paparan media dunia terhadap keadaan masyarakat Islam tertentu seperti penindasan kaum wanita dan kanak-kanak.

23. Kepimpinan agama perlu memperkenalkan umat Islam akan tradisi dialog demikian yang ternyata mekar di dalam sejarah ketamadunan Islam. Sebagai contoh, Jaafar bin Abu Talib ketika mengetuai kumpulan hijrah pertama ke Habasyah telah menerangkan konsep dan keistimewaan Maryam r.a. di dalam ajaran Islam dan Al-Quran kepada Raja Habasyah ketika itu. Bahkan walaupun setelah Islam bertapak di Madinah Al-Munawwarah, Rasulullah s.a.w. telah menerima perwakilan Nasrani Najran pada tahun ke 9 Hijrah di Madinah Al-Munawwarah dan mereka setelah itu pulang tanpa dipaksa menukar kepercayaan agama mereka.
24. Namun, pemahaman terhadap Islam tidak boleh disampaikan hanya melalui tulisan dan wadah perbincangan dan dialog sahaja. Lebih penting lagi, usaha peningkatan pemahaman terhadap Islam akan lebih berkesan jika umat Islam dapat dilihat sebagai menyumbang ke arah kemakmuran dunia, alam sekitar dan penduduk bumi. Di mana sahaja umat Islam berada, mereka harus selalu dirangsang semangat untuk menyumbang secara aktif kepada pembangunan dan kesejahteraan masyarakat setempat mereka dan tidak menyulitkan mereka. Di sini, pertubuhan Islam dapat memainkan peranan yang penting untuk mengadakan program-program yang mencerminkan nilai-nilai rahmah dan sensitiviti umat Islam terhadap penduduk bumi dan bumi itu sendiri. Bahkan kerana dorongan agama yang kuat untuk menyumbang secara positif umat Islam akan tetap menyumbang sama ada melalui pertubuhan Islam ataupun bukan Islam.

Pengalaman Singapura dalam menjaga kestabilan sosial

25. Singapura terus menikmati tahap keharmonian dan keamanan yang tinggi di kalangan masyarakatnya yang berbilang agama. Keadaan ini tidak wujud secara kebetulan, tetapi telah dibina dan dipupuk dari awal kemerdekaan Singapura. Keharmonian dan kestabilan sosial antara masyarakat yang wujud perlu dipelihara dan dilindungi pada setiap masa dan keadaan. Perpaduan sosial yang kukuh akan membantu sebuah masyarakat untuk mengatasi segala jenis kegawatan bersama. Keharmonian

kaum dan agama, mengambil masa untuk dibina. Masyarakat Singapura telah pelajari cara-cara untuk saling berhubungan, menghormati dan membantu antara satu sama lain. Memang terdapat perbezaan antara satu kaum dengan kaum yang lain, perbezaan antara budaya dan agama yang berbeza, akan tetapi berbekalkan sikap toleransi dan tolak ansur, masyarakat Singapura dapat terus hidup bersama dalam aman dan damai di pulau kecil ini.

26. Berdasarkan kesedaran tersebut, pelbagai inisiatif telah dikenalpasti untuk menggalakkan keharmonian agama. Ia tidak boleh dibiarkan sendiri, dengan tanpa diberikan perhatian dan penumpuan. Antaranya yang pernah kami kongsikan dengan anggota negara MABIMS adalah seperti penubuhan Pusat Harmoni (Harmony Centre) yang terletak di Masjid An-Nahdhah, yang dirasmikan pembukaannya oleh Perdana Menteri Singapura Encik Lee Hsien Loong pada 7hb Oktober 2006. Tambahan dari ini, Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) pada tahun 2006 telah menerbitkan dokumen '*Risalah Membangun Masyarakat Islam Cemerlang Singapura*'. Dokumen tersebut telah mengenalpasti beberapa nilai-nilai serta rangka pemikiran keagamaan yang dapat membantu masyarakat Islam Singapura di dalam melaksanakan kehidupan beragama dengan yakin dan selesa sebagai seorang Muslim dan warga negara sekular.¹³ Pada masa yang sama, ia menjadi dokumen asas bagi agenda dakwah, kepimpinan agama dan pendidikan Islam di Singapura.

27. Tambahan dari apa yang telah dinyatakan, mengambilkira cabaran masakini serta perubahan konteks dan keadaan, beberapa langkah-langkah strategik telah diambil demi meningkatkan lagi kesedaran masyarakat majmuk di Singapura terhadap wajah rahmah dan kemanusiaan Islam dan Muslim, dengan mengambilkira perkembangan serta cabaran-cabaran masakini, dua lagi usaha baru telah dikenalpasti. Yang pertama:

¹³ Sekularisma di dalam konteks Singapura adalah sebagai dasar tidak partisan (*neutral*) pemerintah terhadap mana-mana agama bagi menjamin keharmonian antara kaum dan bukan bentuk sekularisma yang menafikan peranan agama di dalam kehidupan sosial manusia.

Komitmen untuk Melindungi Keharmonian Agama, dan yang kedua: Peranan Para Asatizah. Perincinya seperti berikut:

Pertama: Komitmen untuk Melindungi Keharmonian Agama

28. Pada bulan Jun 2019, hasil daripada konsultasi yang dilaksanakan pemerintah dengan beberapa badan agama dan juga kemasyarakatan, sebuah dokumen yang bertujuan untuk melindungi keharmonian antara agama telah dilancarkan sempena pembukaan Persidangan Antarabangsa mengenai Masyarakat Bersepadu (ICCS) pada Jun 2019. Sebanyak 250 pertubuhan keagamaan telah melahirkan persetujuan mereka terhadap isiakandung dokumen tersebut, dan menandatangani satu "Komitmen untuk Melindungi Keharmonian Agama". Sebagai usaha untuk mengukuhkan lagi keharmonian kaum dan agama antara masyarakat Singapura, pada waktu yang sama mewujudkan lebih banyak peluang untuk bergaul, memupuk persefahaman dan meningkatkan rasa selesa antara satu sama lain.

29. Terdapat **enam poin utama** pada dokumen tersebut seperti berikut:
 - i. menitikberatkan hak kebebasan beragama; sepetimana yang diberi perlombagaan.
 - ii. Membina dan mengekalkan hubungan yang bermakna dengan mereka yang berbeza kepercayaan. Ia bertujuan untuk seperti menawarkan bantuan kepada mereka yang berbeza kepercayaan, saling memberi ruang kepada warga untuk menganut agama masing-masing, dan melaksanakan sedemikian dengan cara yang hormat dan sensitif. Saling memberi ucapan selamat dan menghadiri sambutan perayaan sesama warga.
 - iii. Berusaha untuk memupuk budaya yang menitikberatkan sifat bertimbang rasa dan saling memahami antara satu sama lain. Apabila berinteraksi dengan penganut agama lain, kita akan sedia bertolak ansur. Kita akur bahawa tidak semua orang

peka akan sensitiviti agama. Apabila berlaku salah faham atau pertikaian, kita akan menyelesaikannya melalui perundingan secara hormat dan berhemah.

- iv. Memastikan bahawa amalan keagamaan dilakukan secara hormat dan senstif. Kita tidak akan memperkecilkan, menghina atau menimbulkan rasa kurang senang terhadap kepercayaan lain. Kita menolak dengan tegas dan tidak akan menerima sebarang bentuk keganasan ke atas sesiapa pun, termasuk di atas sebab agamanya
 - v. Mengelakkan perpaduan di waktu krisis; saling berbincang dan membantu, dan bekerjasama ke arah mengekalkan perpaduan sosial sebagai matlamat utama kita.
 - vi. Untuk menyokong segala usaha institusi untuk memelihara perpaduan dan keharmonian.
30. Isikandung dokumen tersebut merupakan suatu usaha yang berterusan untuk memastikan bahawa ikatan yang kukuh merentas agama itu kekal terpelihara. Kerana ia adalah kunci kepada keharmonian agama serta kestabilan kehidupan masyarakat. Walaupun kepercayaan antara anggota masyarakat itu mungkin berbeza, akan tetapi anggota sesuatu masyarakat itu saling berkongsi nilai yang sama, seperti kebajikan, kasih sayang, sikap hormat dan ihsan. Kita berkongsi negara yang sama. Memiliki kemaslahatan yang sama. Maka melalui dokumen “Komitmen” yang baru dilakarkan ini, diharapkan ia mampu menjadi pemangkin semangat untuk setiap anggota masyarakat untuk berusaha dan membina serta mengekalkan hubungan yang bermakna dengan mereka yang berbeza kepercayaan.

Kedua: Peranan Asatizah- Kod Etika

31. Sepertimana yang telah dinyatakan di atas berkaitan peranan yang perlu dimainkan kepimpinan agama untuk menerapkan nilai-nilai inklusif dan kemanusiaan

Islam kepada masyarakat Islam, ia sententunya bermula melalui para guru-guru agama/asatizah ketika menerapkan mesej-mesej tersebut pada pendidikan Islam serta wadah-wadah dakwah mereka.

32. Maka para ulama juga berkepentingan untuk memimpin masyarakat dalam memberi panduan keagamaan yang sesuai dengan konteks masyarakat majmuk, negara sekular dan dunia pasca-moden. Tanpa kepimpinan keagamaan mapan yang dicernakan oleh para asatizah dan ulama dan institusi agama yang cekap, sistematik dan terpandu, agak mustahil bagi sebuah masyarakat, khususnya- Masyarakat Islam Singapura, untuk mampu menjadi sebuah masyarakat contoh yang gemilang atau dalam erti kata lain – *Khaira Ummah*.

33. Atas dasar itu, sebuah sistem untuk mengiktiraf dan memastikan para asatizah dan guru-guru agama memenuhi ‘piawaian keagamaan’ dan mampu menjalankan amanah mereka sebagai pendakwah dan guru agama dengan efektif perlu dibangunkan. Sejak dilancarkan pada Januari 2017 sebagai Skim Pengiktirafan Asatizah Mandatori (atau lebih dikenali sebagai *Mandatory Asatizah Recognition Scheme* – M-ARS), bilangan asatizah yang telah mendaftar melebihi 4,740 orang. Ia merupakan satu perkembangan yang positif dan tren yang baik, memandangkan hanya 500 asatizah sahaja yang mendaftar secara sukarela, ketika skim tersebut awal diperkenalkan pada tahun 2005.

34. Berpaksikan nilai ihsan dan rahmah dengan simbiosis dan kerjasama erat diantara pelbagai pihak, khususnya Muis dan Pergas, maka wujudlah Skim Pengiktirafan Asatizah (ARS) demi kebaikan masyarakat Islam setempat. Selain memastikan masyarakat Islam Singapura boleh merujuk dan mendapatkan khidmat nasihat atau pelajaran Islam daripada golongan asatizah yang bertauliah, skim ini juga menyediakan program-program pembangunan dan latihan asatizah yang komprehensif.

Kod Etika Asatizah

35. Skim pengiktirafan ini juga diterajui dan dipantau oleh sebuah badan bebas yang dikenali sebagai Lembaga Pengiktirafan Asatizah (ARB) yang mempunyai kuasa untuk memberi pengiktirafan ataupun menolak, menggantung atau membatalkan status ARS seseorang. Skim ini mempunyai banyak persamaan dengan skim-skim profesional dalam bidang perundungan dan perubatan. Skim pengiktirafan profesional ini boleh dilihat sebagai sebuah ‘Skim Kendalian Asatizah untuk Para Asatizah’ – *A scheme by Asatizah for Asatizah*.

36. Dalam pada itu, para asatizah Singapura juga dipandu oleh Kod Etika Asatizah (COE) yang antara lain mewajibkan para asatizah menyampaikan Islam atas dasar kesederhanaan (*wasatiyah*), ihsan, rahmah dan sesuai dengan konteks sebuah masyarakat majmuk yang berbilang ras, agama dan budaya. Kod etika ini juga menuntut agar setiap asatizah menjauhi sikap dan ajaran yang radikal dan tidak memecahbelahan masyarakat dengan sikap eksklusif. Para asatizah juga perlu akur dengan irsyad dan fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Singapura. Asatizah yang melanggar Kod Etika ini boleh digantung atau dibatalkan status ARSnya oleh ARB.

37. Usaha-usaha membangun dan mengiktiraf para asatizah, tidak lain dan tidak bukan, bertujuan untuk memastikan masyarakat mampu menerima pelajaran Islam dan panduan agama daripada sumber yang diiktiraf dan kredibel. Ini menjauhkan masyarakat dari anasir-anasir luar yang berpotensi untuk mengugat keharmonian dan kestabilan sosial masyarakat.

Kesimpulan

38. Segala usaha yang dinyatakan di atas merupakan langkah-langkah strategik untuk berhadapan dengan cabaran masakini ataupun yang dijangkakan berlaku. Segalanya bertujuan untuk menyusun batu-batu asas bagi membina sebuah Masyarakat Islam Gemilang yang bertunjangkan nilai-nilai sejagat dan bernafaskan sifat rahmah, ihsan dan keadilan. Semoga denganya dapat disemarakkan lagi semangat rahmatan Lil-'Alamin di kalangan masyarakat.